



# قجابت ستياوسها كراجان جوهر بهاكين خدمت قشوروسن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71

Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)

Laman Web: [www.johor.gov.my/sukj](http://www.johor.gov.my/sukj)

Rujukan Kami : SUKJ.BKP.100-1/3/1 (8)  
Tarikh : **16** November 2023

**Semua Jabatan Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor**  
**Semua Badan Berkanun Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Agensi Swasta dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan**

Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan,

## **PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2023** **PANDUAN PROTOKOL MENGADAP RAJA MENGIKUT KEPADA PROTOKOL NEGERI JOHOR**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor di mesyuaratnya pada **2/8/2023** menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. **1515/2023** iaitu Kertas Bil. **(2)** telah **BERSETUJU** dengan Panduan Protokol Mengadap Raja Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor dan dijadikan sebagai Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor **JUGA BERSETUJU** agar Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor berkaitan Panduan Protokol Mengadap Raja Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor hendaklah dipatuhi oleh Jabatan Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan serta semua agensi di negeri Johor.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor Bilangan 1 Tahun 2023, Panduan Protokol Mengadap Raja Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor untuk makluman dan tindakan Yang Berhormat Dato' / Yang Berhormat Datin Paduka / Ydh Dato' / YAA / YM Ungku / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)**  
Setiausaha Kerajaan  
Johor

HIHA/FJ/NFJ/MAS/fatin/SUKJ.BKP.100-1/3/1 (8)



**PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PANDUAN PROTOKOL MENGADAP RAJA MENGIKUT KEPADA  
PROTOKOL NEGERI JOHOR**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pegawai kerajaan, anggota pentadbiran dan orang awam berkenaan Panduan Protokol Mengadap Raja Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Jumaah Majlis DiRaja Johor Bil 8/2022 pada 6 September 2022 telah membentangkan Kertas JMD Bil 7/2022 (Protokol Mengadap Raja) seterusnya bersetuju dan mengesyorkan Kerajaan Negeri mengeluarkan pekeliling terhadap Panduan Protokol Mengadap Raja Mengikut Kepada Protokol Negeri Johor untuk mengelakkan kekeliruan seterusnya dapat dijadikan sebagai rujukan dan dipraktikkan oleh pegawai kerajaan, anggota pentadbiran dan orang awam.



- 2.2 Sebagaimana sedia maklum, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Yang DiPertua dan Ahli-Ahli Penasihat Jumaah Majlis Diraja Johor, pegawai-pegawai tinggi kerajaan seringkali mengadap Raja, bagi menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan kemudahan rakyat, selain daripada mengeratkan hubungan mesra dengan Raja. Begitu juga mereka turut mengiringi Raja dalam majlis luar istana termasuklah Kembara Mahkota Johor, lawatan ke daerah semasa banjir dan sebagainya. Dalam Pekeliling ini istilah “Raja” bermaksud dan termasuk Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan Kerabat Damping.
- 2.3 Sehubungan itu, sebagai pegawai kerajaan dan anggota pentadbiran, seharusnya mempunyai hemah dan pekerti yang tinggi dalam menentukan perlakuan dan prinsip protokol khasnya apabila mengadap atau mengiringi Raja dan Kerabat Diraja dipatuhi. Ianya termasuklah dari aspek pakaian, gerak geri, tingkah laku dan bahasa pertuturan yang perlu diamalkan bagi menghormati Raja dan memperkasakan kedaulatan institusi Raja.

### **3. ETIKA MENGADAP RAJA WAKTU BERTUGAS**

#### **3.1 PERSIAPAN**

- 3.1.1 Sahkan ketentuan kehadiran melalui Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan atau Setiausaha Sulit / Pegawai Khas.

- 3.1.2 Hadir sekurang-kurangnya 15 minit sebelum waktu mengadap.
- 3.1.3 Tentukan persiapan bahan seperti kertas kerja, laporan, peta, gambar dan dokumen yang dicadang untuk disembah maklum.
- 3.1.4 Sediakan folder khas mengandungi bahan-bahan itu untuk Raja.

## 3.2 HORMAT TAKZIM

- 3.2.1 Cara memberi hormat takzim bagi lelaki dan perempuan:  
berdiri tegak, kedua-dua kaki dirapatkan, luruskan kedua-dua tangan ke sisi peha, jari digenggam, condongkan badan ke hadapan sedikit, tunduk hormat dari leher, dan beri salam "*Assalamualaikum Tuanku / Tunku*".  
*(Bagi orang bukan Islam boleh menyebut "Selamat pagi Tuanku / Tunku")*  
*(Budaya Johor tidak ada perlakuan angkat sembah)*
- 3.2.2 Jika Raja menghulur tangan untuk bersalam, sambut dengan bersalam dan mencium tangan Raja sebagai tanda hormat mengikut budaya Melayu.

### 3.3 ADAB TERTIB KETIKA BERDIRI

- 3.3.1 Berdiri tegak apabila bertutur dengan Raja, kedua-dua tangan di hadapan.
- 3.3.2 Jangan memeluk tubuh atau meletakkan tangan di pinggang atau menyeluk saku yang memberi makna kurang beradab.

### 3.4 ADAB TERTIB KETIKA DUDUK

- 3.4.1 Duduk apabila disilakan, di tempat yang disediakan. Tunggu sehingga Raja bersemayam dahulu.
- 3.4.2 Apabila duduk di kerusi tegakkan badan, rapatkan kedua-dua kaki dan duduk dengan penuh adab sopan.
- 3.4.3 Jangan duduk “bersila panggung” (menyilangkan kaki), atau menghalakan tapak kaki. Perbuatan ini perlu dielakkan kerana dianggap tidak beradab dan tidak menghormati orang lain.
- 3.4.4 Jika bangun berdiri, hendaklah menghadap atau berpusing menghadap Raja dan tundukkan kepala sebagai tanda hormat.
- 3.4.5 Jika dalam majlis santapan, duduk dengan tertib. Kedua-dua tangan hendaklah diletak di atas peha dan tidak berpeluk tubuh.

- 3.4.6 Siku tidak diletak di atas meja dan jika terpaksa meletak tangan di atas meja, letakkan tangan setakat pergelangan tangan di atas meja.
- 3.4.7 Perbuatan meletakkan tangan di dagu tidak dibenarkan. Apabila duduk, elakkan dari duduk bersandar seolah-olah badan hendak menggelungsur turun.
- 3.4.8 Jika dalam majlis rasmi, elakkan dari berbual-berbual sesama sendiri sehingga lupa bahawa Raja di hadapan.
- 3.4.9 Jika perlu berbincang, bicaralah dengan perlahan dan tertib.
- 3.4.10 Apabila Raja bangun dari tempat bersemayam, hadirin perlulah juga berdiri sebagai tanda hormat.

### 3.5 ADAB TERTIB KETIKA BERTUTUR

- 3.5.1 Gunakan perkataan “patik” bagi menggantikan perkataan “saya”.
- 3.5.2 Tunggu Raja bertitah dahulu sebelum memulakan pertuturan.
- 3.5.3 Bertutur dengan terang. Mulakan dengan “patik mohon ampun Tuanku / Tunku”.

- 3.5.4 Sembahkan perkara-perkara yang perlu dan fakta, bukan khabar angin atau gosip.
- 3.5.5 Jauhkan daripada menunjukkan kepandaian.
- 3.5.6 Jangan menyampuk semasa Raja bertitah.
- 3.5.7 Jangan membantah.
- 3.5.8 Jangan berdiam diri apabila ditanya.
- 3.5.9 Jika kurang faham atau tidak ada jawapan yang tepat sebutkan "patik mohon ampun Tuanku / Tunku, patik akan semak / siasat".
- 3.5.10 Jika duduk jauh dari Raja bangun apabila menjawab.
- 3.5.11 Jika hendak menunjuk sesuatu gunakan ibu jari kanan dan jari digenggam.
- 3.5.12 Jika memberi ucapan hendaklah dibaca dari teks yang disediakan.

### 3.6 ADAB TERTIB KETIKA DALAM MAJLIS MAKAN

- 3.6.1 Hadir dalam waktu yang ditetapkan.
- 3.6.2 Tentukan etika pakaian yang ditetapkan.



- 3.6.3 Duduk ditempat yang telah ditetapkan. Jangan minta untuk tukar tempat.
- 3.6.4 Majlis jamuan dimulakan dengan bacaan doa. Dif Islam menadah tangan menyambut doa. Dif bukan Islam meletak kedua dua tangan di paha.
- 3.6.5 Jangan memulakan makan sebelum Raja santap.
- 3.6.6 Jauhkan dari menganga besar apabila menyuap makanan.
- 3.6.7 Apabila mengunyah mulut hendaklah ditutup.
- 3.6.8 Jangan bercakap dengan mulut penuh makanan.
- 3.6.9 Tentukan penggunaan alat-alat memakan digunakan dengan betul dan jangan sampai berbunyi bising.
- 3.6.10 Sisa-sisa makanan tidak dibiarkan atas alas meja.
- 3.6.11 Selepas habis makan, alatan memakan hendaklah disusun rapat dan tidak dibiarkan berselerak.
- 3.6.12 Elakkan mencungkil gigi dengan jari, gunakan napkin untuk menutup mulut apabila mengeluarkan makanan terselit di gigi itu.



- 3.6.13 Ketika batuk atau bersin, mulut hendaklah ditutup dengan napkin.
- 3.6.14 Elakkan dari menguap atau sendawa kekenyangan kuat-kuat.
- 3.6.15 Jangan mengorek telinga, menggaru-garu badan, menggeliat, mematahkan jari tangan dalam majlis jamuan.
- 3.6.16 Jauhkan dari mengangkat dagu atau meletak kedua belah siku di atas meja.
- 3.6.17 Apabila duduk di meja makan, bagi wanita, tas tangan hendaklah digantung di sebelah kanan dengan menggunakan "*handbag holder*" – tidak sekali-kali diletak atas meja makan walaupun tas tangan tersebut kecil.
- 3.6.18 Jangan meninggalkan majlis hingga diperkenankan.

### 3.7 ADAB TERTIB KETIKA MENGIKING RAJA.

- 3.7.1 Apabila mengiring Raja, hendaklah berjalan selangkah dua di belakang sedikit daripada Raja dan tidak sekali-kali seiring dengan Raja (di sebelah kanan atau sebelah kiri). Elakkan berjalan di atas permaidani khas.

- 3.7.2 Apabila terpaksa berlalu di hadapan Raja, anda hendaklah hormat takzim / tunduk hormat sambil berkata “Patik mohon ampun lalu Tuanku / Tunku”.
- 3.7.3 Apabila Raja berangkat lalu di hadapan anda tanpa berhenti, anda hendaklah memberi hormat takzim / tunduk hormat.
- 3.7.4 Jika Raja berangkat lalu di belakang anda, anda hendaklah berpusing menghadap Raja dan memberikan hormat takzim / tunduk hormat.
- 3.7.5 Bagi wanita yang menjadi pengiring, elakkan dari membawa tas tangan yang bergantung di bahu.
- 3.7.6 Dilarang merokok. Semua kawasan istana atau di mana majlis diadakan adalah kawasan larangan merokok.
- 3.7.7 Tidak membawa telefon bimbit atau kamera. Jika membawa telefon bimbit letakkan dalam “*silent mode*”. Tidak menjawab panggilan telefon.
- 3.7.8 Dilarang membuat rakaman video, mengambil gambar atau “*selfie*”.

### 3.8 ADAB TERTIB KETIKA MENYEMBAH SEMBAHAN KEPADA RAJA.

- 3.8.1 Jika hendak menyembahkan hadiah, dapatkan kebenaran Setiausaha Sulit / Pegawai Khas Raja terlebih dahulu.
- 3.8.2 Setelah diperkenankan, hadiah persembahan diletak di atas ceper (dulang) beralas kain berwarna biru.
- 3.8.3 Beri hormat takzim / menundukkan kepala – mara ke hadapan anggaran tiga langkah atau sehingga berhadapan.
- 3.8.4 Sembahkan sembah itu dengan menghulurkan dulang.
- 3.8.5 Jangan mengangkat barangan di atas dulang semasa menyembahkan sembah kepada Raja.
- 3.8.6 Apabila selesai, berdiri tegak sebentar dan beri hormat takzim sekali lagi.
- 3.8.7 Jika Raja menghulurkan tangan untuk bersalam atau sebagai tanda perkenan, hendaklah sambut tangan Raja dan ucapkan "menjunjung kasih Tuanku / Tunku".
- 3.8.8 Undur tiga tapak ke belakang. Beri hormat takzim sekali lagi untuk duduk atau berpusing dan kembali ke tempat asal.



3.8.9 Sekiranya Raja mengurniakan sesuatu, bersalam dengan Raja sambil menyebut "menjunjung kurnia Tuanku/ Tunku".

#### 4. ETIKA BERPAKAIAN WAKTU MENGADAP KERJA

##### 4.1 MENGADAP KERJA DI ISTANA

###### 4.1.1 Lelaki :

4.1.1.1 Pakaian *lounge suit* warna hitam atau biru tua lengkap dengan kemeja putih lengan panjang, bertali leher warna gelap, bersepatu kulit hitam, stoking hitam dan memakai songkok baldu hitam; atau

4.1.1.2 Baju Melayu Teluk Belanga lengkap sebarang warna, kain samping berdagang luar dan songkok baldu hitam; atau

4.1.1.3 Baju batik berlengan panjang dan bersongkok; atau

4.1.1.4 Pakaian korporat dan bersongkok; atau

4.1.1.5 Uniform harian lengkap.

4.1.1.6 Bersepatu kulit hitam dan stoking hitam.

#### 4.1.2 Perempuan :

- 4.1.2.1 Baju kurung Teluk Belanga dan bertudung kepala bagi perempuan Melayu;
- 4.1.2.2 Bagi perempuan bukan Melayu pakaian hormat dan sopan mengikut kaum masing-masing; atau
- 4.1.2.3 Pakaian korporat yang bersesuaian; atau
- 4.1.2.4 Uniform harian lengkap.
- 4.1.2.5 Bersepatu.

#### 4.2 KETIKA MENGIRINGI TUANKU DI LUAR ISTANA

##### 4.2.1 Lelaki :

- 4.2.1.1 Pakaian korporat, bersongkok bagi lelaki Melayu; atau
- 4.2.1.2 Kemeja putih lengan panjang bertali leher, bersongkok bagi lelaki Melayu; atau
- 4.2.1.3 Baju Melayu Teluk Belanga lengkap sebarang warna, kain samping berdagang luar dan songkok baldi hitam; atau
- 4.2.1.4 Uniform harian lengkap.
- 4.2.1.5 Bersepatu kulit hitam dan stoking hitam.

#### 4.2.2 Perempuan :

- 4.2.2.1 Baju kurung Teluk Belanga dan bertudung kepala bagi perempuan Melayu;
- 4.2.2.2 Bagi perempuan bukan Melayu pakaian hormat dan sopan mengikut kaum masing-masing; atau
- 4.2.2.3 Pakaian korporat yang bersesuaian; atau
- 4.2.2.4 Uniform harian lengkap.
- 4.2.2.5 Bersepatu.

#### 4.3 PAKAIAN DI JAMUAN TEH ATAU SUKAN

##### 4.3.1 Lelaki :

- 4.3.1.1 Kemeja batik lengan panjang.
- 4.3.1.2 Kemeja sport lengan panjang (baju di dalam).
- 4.3.1.3 Baju Melayu Teluk Belanga lengkap, kain samping berdagang luar dan bersongkok.
- 4.3.1.4 Bersepatu kulit hitam dan stoking hitam.



#### 4.3.2 Perempuan :

4.3.2.1 Baju kurung Teluk Belanga dan bertudung kepala bagi dif Melayu.

4.3.2.2 Bagi perempuan bukan Melayu pakaian hormat dan sopan mengikut kaum masing-masing.

4.3.2.3 Bersepatu.

#### 4.4 PAKAIAN YANG DILARANG

Etika berpakaian mencerminkan peradaban dan kesusilaan bagi menghormati Raja. Oleh itu elakkan pakaian yang dianggap tidak sesuai atau yang mencolok mata.

4.4.1 Antara jenis pakaian lelaki dan perempuan yang dianggap tidak sesuai semasa menghadap atau mengiring Raja termasuk seluar pendek, *Bermuda shorts*, *cargo pants*, seluar jeans yang dibuat dari *denim*, seluar jenis *slacks* dan *chinos*, *sports jacket* dan *blazer*, semua jenis jaket termasuk *wind breaker*, *bomber jacket* dan lain-lain, pakaian sukan seperti *track bottom* dan *track suit*, *sports caps*, pakaian renang, kemeja-T berkolar atau tidak berkolar, kasut sukan, *sneakers*, *trainers*, capal, selipar, sandal, *Crocs* dan terompah.

4.4.2 Jenis pakaian perempuan yang dilarang termasuk kain sarung tidak berjahit (kain lepas) dan semua jenis kebaya.

4.4.3 Etika berpakaian yang dihuraikan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada titah Raja mengecualikannya.

## 5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Am ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan

Johor

Tarikh: 16 November 2023